

05 NOV 1997

Albert-Malaysia (bergambar)

MONACO MAHU WUJUD HUBUNGAN TERUS DENGAN AHLI PERNIAGAAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Monaco berhasrat mewujudkan hubungan terus dengan ahli perniagaan Malaysia, kata Putera Mahkota Monaco, Putera Albert.

"Kami berhasrat untuk mewujudkan hubungan terus yang akrab antara ahli perniagaan kedua-dua negara memandangkan Monaco masih belum dikenali di rantau Asia Tenggara," katanya kepada Bernama setibanya di sini untuk lawatan rasmi lima hari ke negara ini.

Ketibaan beliau di lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang disambut oleh Setiausaha Bahagian Eropah di Kementerian Luar, Encik M. Santhanaban dan pegawai kanan Wisma Putra.

Putera Albert juga berkata negaranya bersedia untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan terutama dalam industri pelancongan memandangkan Monaco memiliki kepakaran dan pengalaman luas dalam mengendalikan kemasukan berjuta-juta pelancong setiap tahun.

Menurutnya Monaco menerima kunjungan tiga juta pelancong tahun lepas dan jumlah itu dijangka meningkat kepada empat juta tahun ini.

Putera Albert dijadualkan mengadakan pertemuan dengan Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Wisma Putra pada jam 9 pagi esok sebelum mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara pada jam 10 pagi.

Beliau kemudian akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri pada 11 pagi sebelum menghadiri majlis makan tengah hari bersama 15 tokoh perniagaan Malaysia di sebuah hotel terkemuka di sini.

Monaco ialah sebuah negara di bawah pemerintahan seorang putera iaitu Putera Rainer III dengan keluasan hanya satu batu persegi dan mempunyai penduduk seramai 30,000 orang.

Terletak di kawasan Mediterranean di selatan Perancis dan berjiran dengan Itali, Monaco merupakan destinasi pelancongan yang menarik dan terkenal dengan perlumbaan kereta Grand Prix Monaco dan kasino. -- Bernama
mhi oba